

Weststar Maxus pengedar cemerlang

Weststar Maxus Sdn Bhd, syarikat kumpulan Weststar Group, menerima anugerah paling berprestij daripada Shanghai Automotive Industry Corporation (SAIC) apabila dinobatkan sebagai Pengedar Paling Cemerlang.

Weststar Maxus, pengedar tunggal van Maxus V80 di Asia-Pasifik sejak 2011, meraih markah tertinggi mengatasi pengedar daripada 22 negara untuk menggondol anugerah utama itu.

Pengumuman itu dibuat di Hotel Marriott Pudong di Shanghai malam kelmarin.

Pengarah Urusan Weststar Group, Tan Sri Syed Azman Syed Ibrahim menerima anugerah itu daripada Pengarah Urusan SAIC Motor Commercial Vehicle Co Ltd, Lan Qing Song.

Azman berkata, Weststar Maxus adalah rakan perniagaan pertama SAIC di luar negara yang diberi hak memasang van itu di Malaysia bagi edaran serantau.

"Weststar Maxus memasang 700 unit Maxus V80 pada 2012 dan akan menambah 800 unit tahun ini.

"Weststar Maxus yakin ciri kualiti dan keselamatan tinggi Maxus V80 yang mematuhi piawai pemasangan Eropah akan menarik lebih banyak pelanggan di rantau ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.